



*MULTA* WARISAN UNIK



**M**ASYARAKAT

**M**AJMUJ

PENYUSUN :

*Mohd Zahari Ishak*



PENERBIT PINANG SDN. BHD.

Penerbit Pinang Sdn. Bhd.  
No. 76, Jalan 2/133,  
Batu 6 1/2, Jalan Klang Lama,  
58000 Kuala Lumpur.  
Tel : 03 - 7788 5001  
Fax : 03 - 7788 5001

© Penerbit Pinang Sdn. Bhd.  
Cetakan Pertama 2000

Semua hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran, ataupun sebaliknya tanpa izin yang bertulis terlebih dahulu daripada Penerbit Pinang Sdn. Bhd.

ISBN 983 - 055 - 339 - 6 (SIRI)  
983 - 055 - 334 - 5

Dicetak oleh :  
Pencetakan dan Perniagaan Berlian Sdn. Bhd. (107320-V)  
No. 3, Jalan SR 3/6, Taman Serdang Raya,  
Seksyen 3, 43300 Seri Kembangan,  
Selangor Darul Ehsan.

M  
305 8  
MAS  
f  
M  
992501

19 APR 2000

Perpustakaan Negara  
Malaysia

## *KANDUNGAN*

Bab 1 : Masyarakat Melayu

Bab 2 : Masyarakat Cina

Bab 3 : Masyarakat India

Bab 4 : Baba-Nyonya

Bab 5 : Senoi Dan Melayu Proto

Bab 6 : Semai

Bab 7 : Penan

Bab 8 : Suku Kaum Di Sabah

Bab 9 : Suku Kaum Di Sarawak

Bab 10 : Perpaduan Kaum


Glosari

Soalan

# BAB

## I

Raja menjadi tunggak  
kepemimpinan orang-  
orang Melayu



## *Masyarakat Melayu*

Kehidupan masyarakat Melayu di negeri-negeri Melayu umumnya berasaskan kehidupan masyarakat Melayu zaman Kesultanan Melayu Melaka. Sistem masyarakat yang diamalkan merupakan sistem berlapis. Ia hampir sama dengan sistem kasta di India. Setiap lapisan masyarakat

mempunyai tugas dan fungsinya yang tertentu.

Secara umumnya masyarakat Melayu terbahagi kepada dua golongan. Pertamanya golongan pemerintah. Golongan ini terdiri daripada raja, kerabat diraja, golongan bangsawan, pemimpin

agama, dan sebagainya.

Kedua ialah golongan diperintah. Golongan ini terdiri daripada rakyat biasa dan golongan hamba.

Raja merupakan pemerintah tertinggi negeri-negeri Melayu. Baginda mempunyai kuasa daulat dan tanggung perpaduan masyarakat. Baginda tinggal di istana dan mempunyai pelbagai kemudahan.

Bahasa yang digunakan di istana berlainan daripada yang digunakan oleh rakyat biasa. Warna kuning dianggap warna diraja. Oleh itu rakyat biasa dilarang menggunakan warna tersebut.

Kebanyakan sistem pengganti raja di negeri-negeri Melayu hampir sama dengan sistem Kesultanan Melayu Melaka. Apabila Raja mangkat, jawatan tersebut akan diberi kepada putera lelaki tertua. Namun di Perak dan Negeri Sembilan mempunyai sedikit perbezaan.

Golongan pembesar pula ialah mereka yang melaksanakan proses pemerintahan. Ia terdiri daripada bendahara, bendahari, temenggung, dan laksamana.

Kalangan pembesar biasanya bukan kerabat diraja. Jawatan mereka dilantik turun-temurun.

Pemimpin agama atau pendeta termasuk juga golongan bangsawan. Mereka adalah golongan intelek pada masa itu. Golongan ini menjadi

penasihat raja dan kerajaan.

Rakyat pula terdiri daripada mereka yang merdeka dan hamba. Terdapat di antara rakyat memberi khidmat awam dan ketenteraan.

Rakyat merdeka terlibat dalam pertanian sara diri dan perlombongan. Adakalanya mereka dikerah oleh raja dan pembesar apabila tenaga mereka diperlukan.

Manakala hamba pula terbahagi kepada tiga golongan iaitu hamba di-raja, hamba berhutang, dan hamba biasa. Amalan perhambaan dalam masyarakat Melayu bermula sejak dahulu lagi.

Hamba diraja akan tinggal di istana. Mereka berkedudukan tinggi daripada hamba lain. Mereka akan mendapat perlindungan daripada raja. Terdapat di kalangan hamba ini bekas tahanan perang dan banduan.

Hamba berhutang ialah orang yang gagal membayar hutang kepada pemiutang. Hamba ini akan dibebaskan semula setelah selesai menjelaskan hutangnya.

Sebaliknya hamba biasa akan menjadi hamba seumur hidupnya. Hamba ini dikehendaki melakukan kerja tuannya. Kadangkala kerja itu berat dan kasar.

Budaya masyarakat Melayu juga dikatakan berasal daripada Kesultanan Melayu Melaka. Ia meliputi cara hidup, kelakuan, pemikiran, dan

sebagainya.

Kebanyakan budaya Melayu terpengaruh dengan unsur-unsur Hindu. Namun begitu ia mengalami perubahan setelah kedatangan agama Islam.

Istana menjadi pusat perkembangan ilmu dan kebudayaan Melayu. Di sini tempat tertumpunya golongan cerdik pandai. Amalan adat-istiadat istana bertujuan menegakkan kuasa mutlak serta kebesaran raja.

Seseorang yang hendak menghadap raja perlulah berpakaian tertib. Misalnya dengan memakai tanjak dan berkelakuan sopan. Di samping itu, penggunaan bahasa, cara duduk, dan tata tertib perlu mengikut peraturan istana.

Kehidupan masyarakat Melayu amat mementingkan hubungan


kemasyarakatan. Semangat kekeluargaan amat rapat. Amalan gotong-royong, kerjasama, dan menghormati orang tua sudah sebatih dalam kehidupan.

Kalangan orang muda amat menghormati orang tua. Orang tua ini diberi gelaran yang tertentu. Contohnya Pak Long, Mak Long, Pak Ngah, Mak Ngah, dan sebagainya. Orang tua adalah sumber mendapat nasihat.

Apabila seseorang itu hendak lalu di hadapan orang tua, dia hendaklah tunduk. Ini sebagai tanda hormat.

Masyarakat Melayu juga amat menghormati tetamu. Tetamu yang datang ke rumah akan dilayan dengan sebaik mungkin. Mereka akan dihidang dengan makanan dan minuman.

Keseluruhan ekonomi masyarakat



Melayu dahulu hanyalah untuk sara diri. Contohnya menangkap ikan, mengaut hasil hutan, dan lain-lain lagi.

Masa lapang dipenuhi dengan kegiatan kesenian dan permainan. Kesenian masyarakat Melayu terkenal melalui pengukiran dan membuat kraf tangan. Manakala permainan pula terdiri dari sepak raga, wau, gasing, dan lain-lain.

Namun begitu setiap negeri Melayu mempunyai permainan tersendiri. Contohnya dikir barat di Kelantan, dondang sayang di Melaka, dan boria di Pulau Pinang.

Keunikan ini menjadikan masyarakat Melayu kaya dengan kepelbagaian budayanya. Ia sering digunakan untuk menarik pelancong asing.

# BAB

## 2

Masyarakat Cina terkenal dengan tarian naganya



## *Masyarakat Cina*

Orang Cina datang ke Tanah Melayu bermula sejak abad ke-15. Mereka menuju ke negeri Melaka. Ketika itu Melaka muncul sebagai pusat perdagangan yang penting serta masyhur.

Orang-orang Cina ini datang dari Negara China. Apabila British menakluki Melaka, orang-orang Cina mula

berkampung di Melaka.

Kemasukan orang-orang Cina semakin ramai apabila British menubuhkan Negeri-negeri Selat pada tahun 1826. Kebanyakan orang Cina yang datang berasal dari China Selatan. Mereka terdiri dari pelbagai keturunan dan budaya.

Umumnya kemasukan orang Cina



ke Tanah Melayu disebabkan oleh dua faktor iaitu penolak dan penarik.

Faktor penolak berpunca daripada keadaan di Negara China. Antara yang jelas ialah pergolakan politik dan bencana alam yang kerap berlaku.

Kerajaan Manchu gagal menyusun pentadbiran dengan baik. Mereka lebih mementingkan diri sendiri. Tanggungjawab terhadap rakyat diabaikan.

Akhirnya rakyat bangun memberontak pada tahun 1857. Namun begitu pemberontakan ini dapat dikawal oleh kerajaan Manchu.

Akhirnya kerajaan Manchu bertindak menangkap pemberontak. Ramai pemberontak telah melarikan diri dari China. Setengah dari pemberontak melarikan diri ke Tanah Melayu.

Bencana alam yang kerap melanda turut menyebabkan orang China keluar beramai-ramai. Contohnya banjir besar melanda Sungai Yang Tze Kiang.

Banjir ini memusnahkan harta benda dan kawasan pertanian. Rakyat China kehilangan sumber pencarian tetap. Oleh itu rakyat China telah keluar dari China. Mereka ingin mencari penghidupan baru.

Kegiatan ekonomi yang berkembang merupakan faktor penarik penduduk China ke Tanah Melayu. Pembukaan Negeri-negeri Selat telah menggalakkan penduduk Cina berhijrah ke negeri tersebut. Mereka bebas

melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi.

Sewaktu Tanah Melayu muncul sebagai pengeluar bijih timah, British menggalakkan kemasukan orang-orang Cina. Ini kerana masyarakat Cina mempunyai kemahiran dalam perlombongan.

Kaedah perlombongan baru meningkatkan pengeluaran bijih timah. Dengan ini permintaan bijih timah sentiasa dipenuhi.

Ketika itu pula penduduk tempatan ketinggalan dalam bidang ekonomi. Oleh itu British menggalakkan orang-orang Cina memajukannya. Ramai orang Cina datang ke Tanah Melayu ketika itu. Mereka banyak menetap di Pulau Pinang dan Singapura.

Pada peringkat permulaan, kedatangan orang-orang Cina hanyalah dengan menumpang kapal pedagang British. Ketika itu kapal pedagang British berulang-alik antara Negeri-negeri Selat dan China.

Pertengahan abad ke-19, ramai orang Cina datang ke Tanah Melayu. Pada tahun 1830, terdapat kira-kira 15,000 hingga 20,000 orang Cina di Tanah Melayu.

Menjelang tahun 1900, orang Cina bertambah dengan banyak sekali. Ketika itu dianggarkan dua juta orang Cina berada di Tanah Melayu. Kawasan yang paling ramai penduduk Cina ialah

Perak, Selangor, Pulau Pinang, dan Singapura.

Sejak awal kedatangan masyarakat Cina, pelbagai masalah timbul. Antaranya kewujudan kongsi gelap, masalah pelacuran, dan perjudian. Semua ini telah mengganggu proses kemajuan Tanah Melayu.

Kesan buruknya pula semakin meningkat. Akhirnya British mengambil tindakan menyekat kemasukan masyarakat Cina. British juga menyekat aktiviti orang Cina di Tanah Melayu.

Namun begitu langkah tersebut kurang berkesan. Orang-orang Cina terus datang ke Tanah Melayu. Akhirnya kedatangan mereka telah mewujudkan masyarakat majmuk di Tanah Melayu.

Kini orang-orang Cina menjadi

sebahagian daripada penduduk Tanah Melayu. Mereka telah mendapat taraf kerakyatan. Mereka juga mengamalkan kepercayaan dan budaya masing-masing.

Kebanyakan orang Cina berfahaman Kongfucius dan Tao. Penganut Kongfucius adalah pengikut ajaran Kongfucius, seorang sarjana terkenal. Manakala penganut Tao adalah mereka yang menyembah nenek moyang.

Masyarakat Cina di Tanah Melayu bebas mengamalkan cara hidup mereka. Cara hidup ini masih berpaksikan negeri China.

Masyarakat Cina mempunyai perayaan mereka sendiri. Tahun Baru Cina merupakan perayaan penting bagi masyarakat Cina. Perayaan ini



disambut selama 15 hari. Pada hari terakhir dikenali sebagai perayaan Chap Goh Meh.

Tarian singa biasanya diadakan sewaktu Tahun Baru Cina. Perayaan dimeriahkan lagi dengan pemberian ang pow. Ang pow diberikan kepada kaum keluarga dan rakan-rakan.

Mereka juga masih memakai pakaian tradisional China. Pakaian tradisional wanita Cina ialah cheongsam. Ia diperbuat daripada kain sutera dan dipakai pada hari perayaan. Semasa berada di rumah, mereka memakai semfu. Semfu diperbuat daripada kain kapas.

Bagi kaum lelaki pula, pakaian tradisional mereka ialah cangsum makua. Ia dipakai pada hari perayaan tertentu seperti Tahun Baru Cina atau hari perkahwinan.

# BAB

## 3



Masyarakat India dibawa masuk untuk bekerja di ladang-ladang

## *Masyarakat India*

Kedatangan orang India ke Tanah Melayu dikatakan bermula sejak kurun ke-15 lagi. Kedatangan mereka ketika itu sebagai pedagang. Setengah daripada mereka terlibat dalam kegiatan penyebaran agama.

Setelah penubuhan Negeri-negeri Selat, British telah membawa masuk ramai orang India. Mereka terdiri

daripada askar-askar. Kedatangan mereka adalah untuk memperfahankan Negeri-negeri Selat.

Sewaktu berlaku pemberontakan orang Melayu, askar-askar India telah diarah menghadapinya. Kebanyakan askar-askar ini adalah orang Sikh.

Selain itu, kalangan banduan juga turut dibawa masuk. Mereka dikehendaki membina beberapa kemudahan infrastruktur. Contohnya jalan raya dan kemudahan-kemudahan lain. Lama-kelamaan golongan ini terus menetap di Negeri-negeri Selat.

Setelah campur tangan Inggeris di negeri Melayu lain, lebih ramai orang India dibawa masuk. Kedatangan mereka untuk membina jalan raya dan jalan kereta api.

Pada awal kurun ke-20, perkembangan getah di Tanah Melayu agak memberangsangkan. Ini menyebabkan lebih ramai orang India dibawa masuk. Mereka dikehendaki bekerja di ladang-ladang getah.

Minat masyarakat India ke Tanah Melayu disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya keadaan ekonomi di negara India sendiri.

Penduduk India bertambah dengan cepat. Sedangkan keluaran makanan amat berkurangan. Ini kerana bencana alam yang sering berlaku. Akibatnya penduduk mengalami kebuluran dan berpenyakit.

Untuk keluar dari masalah tersebut, mereka berhijrah ke negara lain. Salah satu destinasi mereka ialah Tanah Melayu.

Tanah Melayu ketika itu amat stabil dari segi ekonomi dan politik. Suasana ini mewujudkan perkembangan ekonomi

yang sihat.

Banyak ladang-ladang getah dibuka. Peluang pekerjaan yang luas menyebabkan ramai orang India berhijrah ke Tanah Melayu.

Pemerintahan British juga menggalakkan kemasukan orang India secara beramai-ramai. Ini secara tidak langsung menyediakan bekalan pekerja yang banyak serta murah.

Orang India yang dibawa masuk kebanyakannya bekerja di sektor pembinaan, kemudahan awam, dan lain-lain.

Kedatangan masyarakat India ke Tanah Melayu melalui dua cara iaitu sistem kontrak dan sistem kagani.

Melalui sistem kontrak, seorang ejen dihantar pulang ke India. Dia akan mengumpul buruh di sana. Buruh ini dikehendaki menandatangani kontrak untuk berkhidmat di Tanah Melayu selama lima tahun. Urusan kedatangan akan dilakukan oleh pihak majikan.

Selepas tamat kontrak, buruh diberi pilihan sama ada mahu terus tinggal di Tanah Melayu atau pulang ke negara asal. Kebanyakannya memilih menetap di Tanah Melayu.

Sistem kagani pula menghendaki seorang mandur pulang ke India. Mandur ini juga dikenali sebagai Kagani.

Di India, mandur biasanya memilih sahabat handai dan kaum keluarganya.

Seperti sistem kontrak, urusan kedatangan buruh akan diuruskan oleh majikan.

Sistem kagani dikatakan lebih baik daripada sistem kontrak. Ia memberi layanan baik kepada buruh-buruh yang dibawa masuk. Ketika itu dianggarkan lebih kurang 300, 000 orang India dibawa masuk melalui sistem kagani.

Kedatangan masyarakat India telah mewujudkan masyarakat berbilang kaum di Tanah Melayu. Sebelum ini telah banyak masyarakat Cina masuk ke Tanah Melayu.

Walaupun telah berada di Tanah Melayu, masyarakat India masih mengamalkan amalan dan adat istiadat India. Apabila tiba hari perayaan, masyarakat India turut menyambutnya. Misalnya Deepavali


dan Thaipusam antara perayaan penting masyarakat India.

Masyarakat India di Malaysia juga masih berpegang kuat dengan adat istiadat mereka. Adat menindik telinga antara amalan yang diamalkan oleh masyarakat India.

Mereka yang mengamalkan adat ini dianggap sebagai orang yang memelihara adat dan budaya India.

Sejarah awal menindik telinga bertujuan untuk menjaga keselamatan. Masyarakat India diwajibkan menindik telinga tanpa mengira lelaki atau perempuan.

Ia dikatakan dapat menyelamatkan diri daripada terkena ilmu sihir. Menurut kepercayaan mereka, orang yang tidak cacat cela mudah terkena



Perayaan Thaipusam dirayakan oleh penganut agama Hindu

ilmu sihir.

Oleh itu telinga segera ditindik. Ilmu sihir tidak lagi mengenainya kerana seseorang yang ditindik dianggap ada kecacatan. Kini menindik telinga dianggap satu tradisi yang diwarisi turun-temurun.

Satu lagi adat masyarakat India yang masih diamalkan di Malaysia ialah mencucuk hidung. Namun amalan ini hanya diamalkan oleh kaum wanita.

Sekarang masyarakat India merupakan kaum ketiga terbesar di Malaysia. Pelbagai kemudahan telah disediakan oleh kerajaan untuk mereka. Contohnya seperti dalam bidang pendidikan yang melahirkan ramai tokoh dari kalangan masyarakat India sendiri.

Mereka juga memiliki tempat tinggal yang selesa apabila kemudahan moden dibawa masuk ke ladang-ladang.

# BAB

## 4



Hubungan Melaka-China bertambah erat melalui perkahwinan Raja Melaka dan Puteri Hang Li Po

### *Baba-Nyonya*

Perhubungan antara kaum Melayu-Cina bermula sejak awal tahun 1400 lagi. Hubungan diplomatik Melaka-China berlaku apabila Maharaja Yung Lo mengutus Laksamana Yin Ching ke Melaka. Hubungan ini telah menjadi begitu erat antara kedua-dua buah negara.

Ketika itu Melaka masyhur sebagai pusat pemerintahan empayar Melayu. Ia menjadi pusat perniagaan dan perdagangan antara Timur dan Barat.

Ketibaan Laksamana Yin Ching disambut penuh adat istiadat. Pertukaran hadiah antara dua



kerajaan dilakukan dalam suasana yang penuh muhibah. Sultan Melaka juga menghantar utti ke China. Ia sebagai tanda perdagangan dan persahabatan.

Seterusnya pada tahun 1405, Parameswara bersama rombongan ke China. Ketika itu beliau telah memeluk agama Islam. Beliau menggunakan nama Sultan Iskandar Syah. Mereka menetap di Nanking selama dua bulan.

Hubungan erat ini memberi kesan kepada Siam. Ketika itu Siam merupakan kuasa besar di kawasan Asia Tenggara.

Kedatangan Puteri Hang Li Po bersama 500 orang rombongan seterusnya merapatkan lagi hubungan tersebut. Sultan Mansur Syah telah menjadikan Puteri Hang Li Po sebagai permaisurinya.

Dari situlah berlakunya pertembungan dua budaya. Pertembungan dua budaya ini berterusan dan melahirkan masyarakat Baba dan Nyonya di Melaka. Ia kemudian berkembang ke Pulau Pinang dan Singapura.

Hubungan Melayu-Cina ini perlu dilihat dalam dua senario. Pertamanya kesan kedatangan bangsa Cina sejak zaman Melaka. Keduanya hubungan selepas zaman penjajah.

Kedatangan orang Cina pada zaman penjajah lebih menitikberatkan

soal pekerjaan. Kedatangan masyarakat Cina ini tertumpu di pantai barat Tanah Melayu. Mereka diambil bekerja di lombong-lombong.

Golongan pekerja ini berasal dari Wilayah Fujien, Teochew, Hainan, dan Kantonis. Mereka yang berada di pantai barat terletak di bawah kekuasaan Inggeris. Golongan ini tidak mengamalkan budaya tempatan sepenuhnya.

Keadaan ini berbeza dengan masyarakat Cina di Kelantan dan Terengganu. Sampai sekarang mereka masih bertutur dalam bahasa tempatan.

Cara berpakaian mereka juga mengikut adat tempatan. Contohnya berbaju batik, kain sarung, kebaya, dan sebagainya.

Di pantai barat hal ini juga berlaku, terutamanya pada masyarakat Baba dan Nyonya. Penyerapan kedua-dua budaya Melayu-Cina berlaku dengan sempurna. Oleh itu mereka tidak berasa canggung walaupun di mana mereka berada.

Kaum lain di Malaysia perlu mengambil iktibar dalam hal ini. Kejayaan masyarakat Baba-Nyonya bersatu dan mengamalkan nilai-nilai tempatan adalah sungguh mengagumkan.

Apatah lagi pada zaman yang penuh cabaran ini. Pelbagai budaya telah dibawa masuk. Namun masyarakat Baba-Nyonya masih mengekalkan cara hidup mereka. Budaya mereka

tetap utuh.

Sebab itulah pada waktu itu tidak berlaku ketegangan budaya. Masing-masing memahami antara satu sama lain.

Masyarakat Baba-Nyonya telah memainkan peranan penting dalam memupuk perpaduan di kalangan kaum. Oleh itu tidak ada sebab yang boleh menolak kemajuan budaya. Baba-Nyonya adalah contoh kaedah membina bangsa.

Sebenarnya budaya Baba-Nyonya lahir dari proses perhubungan Cina-Melayu yang lama. Perhubungan ini akhirnya tersemai nilai dan adat resam yang berkembang subur. Ia boleh dikembangkan untuk mengukuh ikatan perpaduan.


Untuk mencapai kemajuan, Baba Nyonya tidak perlu lagi mengongkong diri. Mereka perlu bersikap terbuka. Mereka juga perlu merebut peluang ekonomi dan perdagangan yang bergerak pantas.

Namun begitu bentuk perhubungan yang terjalin sejak berabad-abad lalu perlulah berterusan. Mereka tidak perlu mengorbankan semua itu semata-mata mengejar kemajuan.

Jadi secara tidak langsung Baba-Nyonya turut menyumbang kepada kestabilan politik dan ekonomi negara.

Jika ditinjau masyarakat pelbagai kaum di negara ini semakin hilang sifat majmuknya. Namun begitu ia memerlukan satu jambatan perpaduan yang kukuh.

Pakaian tradisi masyarakat Cina




Oleh itu peranan masyarakat Baba-Nyonya amat penting. Selama ini mereka telah berjaya menghubungkan dua budaya yang berbeza.

Budaya merupakan cabang hidup yang unik. Namun ia tidak dapat lari daripada proses pengaruh-mempengaruhi. Tetapi apa yang penting ialah strategi ke arah perpaduan rakyat.

Perpaduan juga boleh diwujudkan berdasarkan nilai agama yang dianuti. Tidak ada agama yang menganjur ke arah kejahatan. Oleh itu ketua-ketua agama perlu memainkan peranan penting dalam hal ini.

Masyarakat Baba-Nyonya boleh mengamalkan agama dan kepercayaan masing-masing. Namun begitu mereka juga bertindak sebagai penghubung antara budaya. Dengan ini kecurigaan terhadap budaya bangsa lain dapat dikurangkan.



## *Senoi Dan Melayu Proto*

Orang Senoi dikatakan datang ke Tanah Melayu kira-kira 8000 tahun lalu. Kebanyakan daripada mereka tinggal di kawasan-kawasan bukit. Kawasan tersebut mempunyai ketinggian antara 4000 hingga 7000 kaki dari aras laut.

Pelbagai teori telah dibuat mengenai orang Senoi ini. Antaranya

menyatakan mereka berasal dari Indonesia. Mereka bersaudara dengan orang Batak di Sumatera dan orang Dayak di Borneo.

Sesetengah berpendapat mereka tergolong dalam bangsa Dravido-Australia, wakil utama bagi orang Veda atau suku kaum yang liar dari Sri Lanka.

Pendapat lain mengatakan suku ini berasal daripada bangsa Mon-Khmer. Mereka mempunyai perhubungan dengan suku kaum di kawasan pergunungan Kemboja dan Vietnam. Ini berdasarkan dialek orang Senoi bersamaan dengan bangsa Mon-Khmer.

Bagaimanapun ciri-ciri fizikal menunjukkan orang Senoi mempunyai hubungan rapat dengan suku kaum Kemboja dan Vietnam. Terdapat juga orang Senoi yang mirip seperti orang Melayu dan Cina.

Pendapat ini diperkuatkan lagi dengan faktor geografi. Kedudukan Kemboja dan Vietnam lebih dekat dengan Tanah Melayu. Jadi mereka boleh memasuki Tanah Melayu melalui jalan darat.

Berbanding pendapat menyatakan mereka dari Australia. Mereka terpaksa datang melalui laut. Sedangkan sehingga kini belum ada bukti orang Senoi seorang pelaut.

Berbanding dengan orang India Selatan yang agak berbeza. Ini kerana kulit orang Senoi coklat kekuningan. Sebaliknya orang India Selatan berkulit hitam.

Orang Senoi lebih tinggi daripada orang Negrito. Mereka berambut ikal mayang dan cenderung berkepala panjang. Sebaliknya orang-orang Negrito bulat atau sederhana.

Warna kulit orang Senoi asli

kuning atau coklat kekuningan. Lanya lebih cerah daripada kulit orang-orang Melayu.

Makanan orang Senoi banyak bergantung kepada hasil hutan. Makanan utama mereka terdiri daripada beras yang ditanam dengan cara padi bukit. Selain itu mereka juga memakan sekoi, ubi kayu, dan ubi keledak.

Untuk memburu binatang hutan, mereka menggunakan sumpitan. Sesetengahnya menggunakan perangkap. Perangkap dibuat daripada rotan.

Satu lagi suku kaum asli yang terkenal ialah Melayu Proto. Kaum ini banyak terdapat di bahagian selatan Semenanjung Tanah Melayu.

Umumnya Melayu Proto terdiri daripada tujuh suku kaum. Suku-suku kaum itu ialah Temuan, Semelai, Temoq, Jakun, Orang Ulu, Kanaq, dan lain-lain.

Suku kaum Temuan adalah suku terbesar. Kebanyakan mereka tinggal di Selangor dan Negeri Sembilan. Manakala suku Kanaq adalah suku terkecil. Mereka tinggal di kawasan simpanan seluas 70 ekar. Suku ini menyara hidup dengan menjalankan tanaman secara kecil-kecilan.

Kehidupan kaum Kanaq agak tertutup. Mereka tidak mahu bergaul atau berkahwin dengan kaum asli lain. Kaum Kanaq berkahwin sesama mereka sahaja.

Kaum Melayu Proto dipercayai berasal dari kawasan pedalaman Asia. Mereka bergerak dari negara jiran Yunan. Kemudian melalui Semenanjung Indochina sehingga sampai di Semenanjung Tanah Melayu.

Jika dilihat pada ciri-ciri fizikal, ia hampir sama dengan orang Melayu. Ini termasuklah budaya dan pertuturan.

Sesetengah pihak menamakan Melayu Proto sebagai Jakun. Namun begitu tidak seorang pun Melayu Proto menganggap diri mereka sebagai Jakun.

Bagi mereka Jakun adalah kumpulan manusia liar. Bagi orang-orang Melayu Proto, Jakun digambarkan

sebagai seseorang yang tidak memahami apa-apa. Bagaimanapun istilah Jakun ini telah digunakan sebagai salah satu kaum Melayu Proto.

Orang asli Negrito juga antara kaum asli yang terdapat di Tanah Melayu. Kebanyakan mereka tinggal di kaki-kaki bukit. Mereka adalah kaum asli terkecil dan paling primitif.

Sebahagian mereka masih hidup berpindah-randah. Terdapat andaian mengatakan mereka penduduk tertua di negara ini.

Kaum asli Negrito dikatakan mempunyai hubungan rapat dengan penduduk asli Mincopies di Teluk Benggala. Sesetengah berpendapat orang Negrito wujud di Tanah Melayu kira-kira 25, 000 tahun dahulu.



Suatu ketika dahulu, istilah Semang dirujuk kepada orang Negrato di Semenanjung. Terutamanya suku-suku di Perak dan Pahang. Memandangkan maknanya tidak baik, istilah ini tidak digunakan lagi.

Semang melambangkan se-setengah hidupan liar. Ini sudah pasti tidak sesuai dengan cara hidup orang Negrato.

Orang Negrato agak kerdil. Mereka tidak seperti orang-orang asli yang lain. Keadaan rupa mereka kelihatan seperti penduduk asli New Guinea.

Kaum Negrato kurang menjalankan aktiviti pertanian. Mereka bergantung hidup dengan berburu dan peramu. Makanan utama terdiri daripada akar, pucuk tumbuhan, buah-buahan, dan ikan. Rumah yang dibina hanyalah sementara. Biasanya rumah ini diperbuat daripada daun nipah.



Mengambil hasil hutan  
sumber pendapatan  
orang-orang Semai

## *Semai*

Suku kaum asli terbesar ialah orang Semai. Sebahagian besar daripada mereka terdapat di Perak, Pahang, dan sebahagian kecil di Selangor. Di Selangor, kebanyakan mereka tertumpu di kawasan sempadan dengan Perak.

Masyarakat Semai lebih maju berbanding masyarakat asli yang lain.

Mereka tidak lagi tinggal di hutan atau berpindah-randah.

Mereka juga tidak tinggal di rumah panjang. Sebaliknya orang-orang Semai mendiami rumah-rumah kecil berasaskan keluarga nuklear. Mereka juga mempunyai perkampungan tetap.



Masyarakat ini juga sentiasa terdedah kepada dunia luar. Mereka tidak hidup terasing seperti kaum asli yang lain.

Keadaan ini telah berlaku sejak 1800 dan awal 1900. Ketika itu mereka telah terlibat dalam perlombongan dan perladangan.

Sebelum ini mereka juga terlibat dalam perniagaan. Mereka menjalin hubungan perniagaan dengan orang Melayu ketika pengenalan besi.

Ketika itu orang Melayu menjadi pembekal alat-alat tersebut untuk mereka. Contohnya kapak, beliung, dan parang. Perniagaan yang berjalan pula berasaskan sistem tukar barang.

Orang Semai akan menyerahkan hasil hutan untuk ditukar dengan alat-alat tersebut. Antara hasil hutan itu ialah damar, rotan, buah-buahan, dan sebagainya. Ini jelas menunjukkan masyarakat Semai aktif dalam ekonomi sejak dahulu lagi.

Namun begitu sehingga sekarang, masyarakat ini masih menjalankan kegiatan ekonomi sara diri. Hasil-hasil hutan menjadi sumber pendapatan utama. Contohnya mengambil rotan, buluh, petai, jering, dan lain-lain lagi. Lebihan hasil ini akan dijual untuk mendapatkan wang tunai.

Masyarakat luar turut memberi sokongan agar suku kaum Semai melakukan kegiatan ekonomi yang boleh menghasilkan wang yang banyak.

Wang tersebut boleh digunakan untuk membeli pakaian, alat solek, kenderaan, dan sebagainya.

Pembalakan dan pertanian telah mengurangkan hasil hutan. Ini secara tidak langsung mengurangkan pendapatan orang Semai. Oleh itu mereka mula mengalih perhatian kepada makan gaji.

Bagi orang Semai di kawasan pedalaman, mereka masih bertani. Padi huma antara tanaman utama. Ini berbeza dengan orang Semai di pinggir bandar. Kerajaan telah menghadkan keluasan tanah untuk mereka.

Oleh itu tanah yang diperolehi digunakan untuk tanaman kekal. Contohnya getah, tanam-tanaman dusun, dan sebagainya.

Suku kaum Semai mempunyai kepimpinan tersendiri. Sesebuah kampung diketuai oleh seorang ketua. Ketua ini bergelar penghulu atau batin.

Mereka akan mengendalikan anak buah di kampung tersebut. Penghulu atau batin berperanan sebagai pengantara antara anak buah dengan kerajaan.

Tugas penghulu atau batin dibantu oleh seorang pembantu. Pembantu ini dikenali sebagai Setin atau Tok Setin.

Pos Erong antara perkampungan kaum Semai yang terkenal di Perak. Masyarakat Semai di sini hampir sama dengan yang berada di Tanjung Malim,

Slim River, dan Ulu Selangor.

Kemajuan masyarakat ini dikatakan hasil percampuran dengan suku Temuan di Selangor.

Identiti masyarakat Semai di sempadan Selangor dan Perak agak sukar dikenali. Kesukaran ini dikatakan berpunca daripada perkahwinan campur kedua belah pihak. Amalan kahwin campur ini telah berlaku sejak dahulu lagi.

Penduduk Semai di Pos Erong dikatakan berasal dari Bidor, Perak. Asal kampung ini dikenali sebagai Gunung Payung. Kemudian ditukarkan kepada nama Cangkat Kereta.

Nama Cangkat Kereta diambil sempena peristiwa pemindahan bangkai badak. Pemindahan ini meng-

gunakan sebuah kereta sorong. Akhirnya Jabatan Hal Ehwal Orang Asli menukarkannya kepada Pos Erong.

Masyarakat di kampung ini hasil percampuran suku kaum Temuan di Selangor. Kumpulan ini terdapat bertaburan di sepanjang sempadan Perak dan Selangor. Oleh itu sukar untuk mengenali identiti masyarakat Semai di kawasan ini.

Dari segi sejarah penduduk ini dikatakan berasal dari Bidor, Perak. Sekitar pertengahan tahun 1800, seorang lelaki Temuan telah berkahwin dengan gadis Bidor. Perkahwinan tersebut dikatakan berlaku pada zaman pemburuan hamba abdi.

Akibat ketakutan, penduduk Bidor



melarikan diri. Mereka selalu diancam oleh pemburu-pemburu hamba abdi tersebut.

Ketika menyelamatkan diri inilah mereka berpecah kepada beberapa kumpulan kecil.

Ada di antara kumpulan lari ke Tapah, Cendering, Kampar, dan kawasan-kawasan lain. Lelaki yang berkahwin dengan gadis Bidor melarikan diri ke Pos Erong yang pada waktu itu dikenali sebagai Gunung Payung.

Semasa berada di situ, kegiatan perhambaan telah dihapuskan. Penduduk yang lari ke situ tidak mahu berpindah lagi. Mereka telah membuka perkampungan tetap hinggalah sekarang.



## *Penan*

Suku kaum yang agak terkenal di Sarawak ialah kaum Penan. Kehidupan kaum ini agak unik. Mereka masih lagi mengamalkan hidup berpindah-randah di hutan. Namun sebahagian daripada mereka sudah hidup cara menetap.

Tentu ada di antara kita yang keliru antara kaum 'Penan' dan

'Punan'.

Sebutan bagi dua masyarakat ini hampir sama. Walau bagaimanapun mereka adalah dua suku yang jauh berbeza.

Suku Punan tinggal di daerah Belaga. Jumlah suku ini dianggarkan 1000 orang. Berbanding suku kaum Penan yang mempunyai hampir 10,000

orang.

Selain itu kaum Punan tidak hidup berpindah-randah seperti kaum Penan. Perbezaan lebih ketara kerana kedua-dua suku ini mempunyai dialek berbeza.

Seorang ahli antropologi membahagikan kaum Penan kepada dua kumpulan utama. Kumpulan pertama dikenali sebagai Penan Timur. Mereka tinggal di sekitar Mulu. Kediaman mereka meliputi kawasan Tutoh, Patah, Pelutan, Apoh, Hulu Akah, dan beberapa kawasan lagi.

Kumpulan kedua dikenali sebagai Penan Barat. Masyarakat Penan Barat tinggal di daerah Belaga dalam bahagian Kapit, Sungai Silat, Long Palai, dan Long Beku di daerah Baram.

Walaupun kedua-dua kumpulan ini kaum Penan, namun cara hidup, kebudayaan, dan dialek agak berbeza. Mereka jarang berinteraksi antara satu sama lain. Mereka juga tidak mempunyai hubungan kekeluargaan.

Kajian yang dijalankan juga mendapati tidak ada bukti berlakunya perkahwinan antara dua kumpulan ini.

Kaum Penan Timur dianggarkan seramai 4,294 orang. Manakala Penan Barat pula berjumlah 2,215 orang. Angka ini tidak termasuk kaum Penan di kawasan Suai/Niah dan Hulu Sungai Tinjar.

Kaum Penan di situ dianggarkan

3,000 orang. Mereka juga dipercayai menetap di kawasan tersebut hampir 100 tahun lalu.

Kajian yang dijalankan mendapati hanya lima peratus sahaja kaum Penan menjalankan cara hidup berpindah-randah. Kesemuanya dari kumpulan Penan Timur.

Mereka ini tinggal di dalam pondok kecil di celah-celah belantara. Pondok ini dipanggil 'lamin'. Selepas dua atau tiga minggu, mereka akan berpindah ke tempat lain.

Mereka akan mencari tempat yang subur dan banyak makanan. Apabila tempat itu tidak sesuai, mereka akan berpindah lagi.

Pondok dibina daripada bahan-bahan hutan. Atapnya diperbuat daripada daun-daun. Bagi mengukuhkan pondok, ia diikat dengan akar-akar kayu. Di pondok inilah kaum Penan melindungi diri daripada hujan.

Masyarakat Penan lain telah hidup cara menetap sejak berpuluh-puluh tahun dahulu. Kebanyakannya terdiri daripada Penan Barat. Terdapat juga sebahagian Penan Timur hidup cara menetap.

Terdapat sebahagian kecil sahaja Penan hidup separuh nomad. Mereka terdiri daripada Penan Timur.

Apa yang dimaksudkan separuh nomad ialah mereka tinggal di rumah panjang. Namun mereka masih ber-

gantung kepada hasil hutan sebagai sumber rezeki.

Bancian kerajaan negeri pada 1990 mendapati terdapat 11 kumpulan Penan nomad. Ia meliputi 96 keluarga terdiri daripada 388 orang. Sembilan kumpulan ini mendiami kawasan Hulu Baram.

Daripada sembilan kumpulan ini, tiga kumpulan mendiami kawasan Long Kidah di hilir Sungai Magoh. Ia diketuai oleh Wee Salau. Puak ini mengandungi sembilan keluarga dengan 30 orang.

Puak Asik Nyalit mengandungi sembilan keluarga seramai 33 orang. Puak Kurau Kusin mengandungi 16 keluarga seramai 59 orang. Puak lain terdiri dari Moyang Usai, Puak Bok


Buki, dan Puak Tabaran Agut.

Terdapat dua lagi kumpulan di Hulu Limbang. Mereka ialah Puak Along Sega. Puak ini mempunyai tujuh keluarga seramai 34 orang.

Satu lagi ialah puak Lisin Jelian yang mempunyai lapan keluarga seramai 41 orang. Mereka ini mendiami kawasan Amung Bada Madimit.

Masyarakat Penan terkenal sebagai pemburu dan pemungut hasil hutan yang cekap. Hasil-hasil tersebut dijual kepada kaum Kenyah tiga kali setahun.

Apa yang menarik, banyak legenda didengari tentang kaum ini. Antaranya legenda buaya. Buaya dikatakan berasal daripada sepasang




suami isteri. Kemudian lari ke sungai Baram kerana merajuk selepas pertengkaran dengan kaumnya.

Sesetengah pula berpendapat mereka adalah orang bunian. Sebelum ini mereka menyembunyikan diri di dalam hutan. Kini mereka muncul semula kesan kedatangan jentolak ke hutan.

# BAB

## 8

Pesta menuai  
orang-orang Kadazan  
di Sabah



## *Suku Kaum Di Sabah*

Sabah antara sebuah negeri yang mempunyai pelbagai suku kaum. Tiap-tiap suku kaum ini mengamalkan kebudayaan tersendiri. Antara suku kaum terbesar ialah Bajau, Suluk, Kadazan, dan lain-lain lagi.

Sejarah awal menunjukkan Sabah pernah dikuasai oleh orang

Sulu, terutamanya di bahagian Pantai Timur dan Utara Sabah. Kurun ke-18, ramai pedagang Inggeris datang berniaga di Sabah. Mereka berniaga secara haram.

Peniaga Inggeris menjual senjata api kepada Sultan. Manakala masyarakat Sulu pula menjual hasil



hutan dan laut kepada Inggeris.

Sewaktu menguasai Timur dan Utara Sabah, penduduknya tidak ramai. Oleh itu orang-orang Sulu membuka penempatan di Sabah.

Setiap kawasan jajahan Sulu ditadbir oleh pembesar. Pembesar ini bergelar Datuk.

Sewaktu penjajahan Sulu, kawasan Timur Sabah mempunyai dua suku kaum terbesar. Mereka ialah orang-orang Bajau dan orang-orang Suluk.

Orang Bajau banyak tinggal di kawasan Timur Sabah. Mereka diketuai oleh seorang pembesar yang bergelar Tuan Imam. Setiap masalah masyarakat Bajau akan dirujuk kepada Tuan Imam.

Tuan Imam ini dilantik di kalangan mereka yang berpengaruh dan berpengalaman. Ini penting kerana Tuan Imam bertanggungjawab menyelesaikan segala masalah anak buah.

Masyarakat Bajau menjalankan kegiatan menanam padi sawah. Ini juga merupakan makanan utama mereka. Semasa dahulu masyarakat Bajau menggunakan peralatan tradisional untuk mengerjakan sawah mereka.

Orang Bajau beragama Islam. Satu upacara penting yang diamalkan oleh masyarakat Bajau ialah Ngeduang. Ngeduang ialah upacara bertukar barang makanan semasa kenduri

arwah dan hari raya puasa.

Orang Suluk dikatakan berasal dari Sulu. Masyarakat ini banyak menetap di Pesisir Timur dan Utara Sabah. Kegiatan ekonomi masyarakat ini ialah berniaga.

Selain itu juga mereka terlibat dalam kegiatan memungut sarang burung, mengutip mutiara, dan hasil-hasil hutan.

Masyarakat Suluk dikatakan amat mahir dalam kegiatan ini. Sewaktu memungut sarang burung, mereka akan pergi beramai-ramai. Ini secara tidak langsung mengeratkan hubungan antara mereka.

Seperti juga masyarakat Bajau, orang Suluk beragama Islam. Mereka mendapat pendidikan di sekolah pondok.

Orang Brunei datang ke Sabah sewaktu negeri itu berada di bawah kekuasaan Brunei. Ini terjadi selepas kejatuhan Melaka pada tahun 1511. Ketika itu ramai pedagang beralih ke Brunei.

Ini secara tidak langsung menjadikan negeri Brunei bertambah maju. Brunei juga muncul sebagai sebuah kerajaan yang kuat.

Kesultanan Brunei mempunyai kerajaan yang luas. Ini termasuklah kawasan pantai barat Sabah. Semasa Sabah berada di bawah kekuasaan kerajaan Brunei, banyak rakyatnya masuk ke Sabah. Mereka terus

menetap di Sabah dan hidup aman damai.

Kebanyakan orang Brunei terlibat dalam kegiatan perdagangan. Di samping itu, ada di antara mereka bertani dan memungut hasil laut. Setengah daripada penduduk Brunei terlibat dalam pentadbiran.

Orang Brunei beragama Islam. Mereka juga orang yang bertanggung-jawab menyebarkan agama Islam. Tarian yang terkenal bagi orang Brunei ialah adai-adai dan umang titing.

Suku kaum Kadazan merupakan suku kaum terbesar di Sabah. Kaum ini banyak tinggal di Lembah Pantai Barat. Suku kaum Kadazan terbahagi kepada dua kumpulan. Mereka ialah orang Dusun dan

orang Rungus.

Masyarakat ini percaya bumi dan makhluk lainnya dicipta oleh Tuhan yang digelar Kino-Ringan. Orang Kadazan mempunyai mahkamah sendiri. Mahkamah ini dikenali Mahkamah Anak Negeri.

Pesta menuai antara perayaan terpenting orang-orang Kadazan. Pesta ini disambut dengan hidangan lazat dan tarian Sumazau. Masyarakat ini menyara hidup mereka dengan menternak binatang dan menanam padi.

Satu lagi suku kaum yang terdapat di Sabah ialah orang Murut. Mereka tinggal di kawasan pedalaman Sabah. Orang Murut masih lagi mengamalkan cara hidup nomad.



Kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh orang Murut ialah menanam padi huma, memburu binatang, dan memungut hasil hutan. Suku kaum ini amat mahir dalam hutan. Mereka juga cekap berburu.

Orang Murut percaya bumi dan manusia dicipta oleh satu kuasa yang dipanggil Aki Kopuno. Orang Murut juga amat patuh kepada peraturan dan adat-istiadat mereka.



Tarian pahlawan kaum Iban

## *Suku Kaum Di Sarawak*

Sarawak merupakan negeri terbesar di Malaysia. Penduduk awalnya dikenali sebagai orang paleolitik. Ketika itu penempatan mereka ialah di dalam gua. Contohnya mereka tinggal di dalam Gua Niah.

Keseluruhan penduduk Sarawak dikatakan berasal dari Tanah Besar Asia Tenggara.

Negeri Sarawak kaya dengan hasil bumi. Sarawak terdiri daripada kaum peribumi. Setiap kaum ini mengamalkan cara hidup dan kebudayaan mereka sendiri.

Umumnya penduduk Sarawak terbahagi kepada dua golongan. Golongan tersebut ialah penduduk pesisir. Mereka terdiri daripada kaum

Melayu dan Melanau.

Golongan satu lagi ialah penduduk pedalaman. Mereka ialah kaum Iban, Bidayuh, Kayan, Kenyah, dan Punan.

Orang Melayu yang tinggal di Sarawak berasal dari Sumatera. Mereka datang ke Sarawak dan menetap di situ sejak abad ke-15 lagi. Ketika itu mereka membuka penempatan sekitar Sungai Sarawak.

Seorang ketua dilantik di kalangan orang Melayu. Ketua ini dikenali sebagai Datuk Merpati Jepang. Ia adalah putera raja dari Sumatera.

Kebanyakan orang Melayu bekerja sebagai nelayan, petani, dan peniaga. Orang Melayu mempunyai hubungan rapat dengan orang Bidayuh.

Mereka menjual garam, kain, pisau, dan tempayan kepada orang Bidayuh. Kemudian mereka membeli beras dan hasil hutan dari kaum tersebut.

Orang Melayu beragama Islam. Masjid telah dibina untuk bersembahyang. Masjid juga berperanan untuk menyebarkan agama Islam.

Suku kaum Melanau tinggal di sekitar Sungai Igan, Oya, dan Mukah. Kaum Melanau juga beragama Islam.

Mereka mengamalkan cara hidup dan bertutur dalam bahasa Melayu. Orang Melanau memeluk Islam

setelah bergaul dengan orang Melayu.

Suku kaum terbesar di Sarawak ialah kaum Iban. Mereka datang ke Sarawak sejak abad ke-15 hingga ke-19. Dahulu kaum Iban dikenali sebagai Dayak Laut.

Kaum Iban memilih penempatan berhampiran sungai. Penempatan utama mereka ialah di Sungai Saribas, Sungai Batang Lupar, Sungai Rejang, dan Sungai Sekrang.

Orang Iban tinggal di rumah panjang. Seorang ketua dilantik mengetuai rumah panjang itu. Ketua dikenali sebagai Tuai Rumah. Setiap masalah anak buah akan diselesaikan oleh Tuai Rumah. Oleh itu Tuai Rumah dilantik dari mereka yang berpengalaman.

Rumah panjang ini dianggap kampung bagi masyarakat Iban. Ini kerana ia mempunyai banyak penghuni. Rumah panjang yang dibina akan mempunyai 10 hingga 60 buah bilik. Setiap bilik akan diduduki oleh sebuah keluarga.

Selain bilik, beberapa ruang tertentu dibina. Ruang-ruang ini mempunyai tujuan yang tertentu pula. Contohnya ruang hadapan bilik dikenali sebagai tempuan.

Ruang ini dikhususkan untuk wanita melakukan kerja-kerja rumah. Di depan tempuan pula terdapat pula bahagian beranda.

Kepercayaan animisme masih kuat bagi masyarakat Iban. Mereka percaya pada kuasa roh atau hantu. Selain itu mereka juga mempercayai beberapa tuhan. Contohnya tuhan peperangan dan tuhan bumi.

Selain itu mereka berpegang kuat pada adat. Contohnya adat kelahiran, perkahwinan, kematian, dan peperangan.

Bagi lelaki Iban yang ingin berkahwin dia perlu melalui beberapa peringkat. Antaranya ialah peringkat pemilihan, mereka diberi kebebasan memilih bakal isteri.


Peringkat kunjungan bermakna lelaki boleh mengunjungi bilik perempuan pilihannya waktu malam.

Perbuatan ini boleh dilakukan selama sebulan atau lebih. Ini bertujuan untuk berkenal-kenalan antara satu sama lain.

Sekiranya perempuan tidak suka, dia boleh memasang api. Ini menandakan pertemuan mereka telah berakhir. Sekiranya pasangan bersetuju berkahwin, lelaki akan memberi sebetuk cincin.

Perayaan masyarakat Iban ialah Hari Gawai. Gawai antu pula perayaan untuk si mati. Pada hari gawai, tetamu diberi minum tuak. Tarian Ngajat dipersembahkan untuk tontonan ramai.

Satu lagi suku kaum di Sarawak ialah orang Bidayuh. Kaum ini menetap di Sungai Samaran dan



Rumah panjang orang-orang Iban di Sarawak

Sadong. Kaum Bidayuh juga tinggal di rumah panjang. Mereka mengamalkan adat, bahasa, serta kebudayaan tersendiri.

Orang Bidayuh menyara hidup dengan menanam padi huma dan pertanian pindah. Mereka akan tinggal di suatu tempat sehingga tanah di situ tidak subur lagi. Kemudian mereka akan berpindah ke tempat lain yang lebih subur.

# BAB

# 10



## *Perpaduan Kaum*

Perpaduan merupakan sesuatu yang amat penting dalam konteks masyarakat Malaysia di mana rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum. Peristiwa berdarah 13 Mei patut menjadi pengajaran dalam membentuk perpaduan ini.

Keunikan negara kita ialah penduduknya datang dari pelbagai kaum

termasuklah orang asli. Malah jika ditinjau dari sudut sejarah, kewujudan masyarakat pelbagai kaum berasaskan polisi penjajah yang menggalakkan kedatangan orang luar untuk membangunkan ekonomi negara.

Di sini menunjukkan betapa pentingnya perpaduan itu dipelihara. Ia



perlu dipupuk dan dipertahankan walau apapun yang berlaku.

Oleh itu semua masyarakat perlu memainkan peranan penting. Prasangka terhadap perkauman perlulah dihapuskan. Kita semua perlu berfikir secara rasional dalam usaha merapatkan jurang perkauman ini.

Sebarang sentimen perkauman melalui perlulah dihapuskan. Apatah lagi sentimen perkauman yang bersifat melampau sehingga menjadikan perlakuan tidak rasional.

Walaupun sekarang perpaduan antara kaum agak erat, namun ia harus sentiasa dipupuk dan dipelihara.

Dalam keadaan tertentu, masih wujud jurang antara kaum di Malaysia. Contohnya dalam soal komunikasi.

Masyarakat bukan Melayu masih menganggap bahasa Malaysia bukan milik mereka. Sedangkan semua tahu bahasa Malaysia adalah bahasa rasmi. Ia wajar diperluaskan penggunaannya meliputi semua kaum dan bangsa.

Semua kaum perlulah menerimanya dengan lapang dada serta fikiran yang terbuka. Dengan ini barulah hasrat penyatuan kaum akan berjaya.

Sementara itu masyarakat bukan Melayu perlulah memahami hak istimewa orang Melayu. Hal ini termaktub dalam perlembagaan.

Sekiranya semua pihak memahaminya, maka tidak timbullah soal

agihan kuota yang biasa bagi kaum bumiputera jika dibandingkan dengan bukan bumiputera walaupun semuanya warganegara Malaysia.

Sebenarnya agihan kuota adalah dasar kerajaan untuk memelihara hak bumiputera daripada terus terhakis. Hal ini juga menuntut agar semua kaum mempunyai toleransi tinggi demi mengekalkan perpaduan.

Abad mendatang memperlihatkan pelbagai teknologi baru wujud. Ketika itu persaingan kian terbuka. Oleh itu setiap kaum juga perlulah bersikap terbuka dan sanggup bersaing.

Persaingan yang sihat dalam perniagaan umpamanya menyemarakkan daya juang yang tinggi di kalangan rakyat. Sikap tolong-menolong hendaklah diperteguhkan lagi.

Sekiranya kita mahukan perpaduan terus berkekalan, maka amat wajarlah semua bangsa berganding bahu, bantu-membantu, serta mengetepikan elemen perkauman.

Semangat perpaduan yang utuh juga mewujudkan kestabilan politik. Di samping itu, ia memperteguhkan kedudukan ekonomi negara. Manfaat perpaduan juga akan menjadi benteng sebarang serangan ekonomi daripada pihak luar.

Soal perpaduan tidak haruslah menjadi isu bermusim. Segala program yang dilaksanakan perlulah berjalan terus. Contohnya Program Setia Bersama

Rakyat (SEMARAK), Hari Keluarga, dan lain-lain lagi perlulah dikekalkan. Malah ia perlu dipertingkatkan dengan menambah beberapa program baru.

Walau apapun rancangan dibuat, yang penting sekali ialah kesedaran. Setiap rakyat perlu insaf kerana kenikmatan yang kita kecapai sekarang adalah hasil daripada perpaduan. Kenikmatan ini tidak akan dirasai sekiranya rakyat berpecah belah dan mementingkan kaum sendiri.

Sebaliknya perpecahan antara kaum akan menghancurkan dan menjejaskan pembangunan Malaysia.

Oleh itu amat wajarlah semua rakyat menanam rasa cinta kepada negara. Kemerdekaan yang telah kita capai sekian lama telah menyedarkan

rakyat erti perpaduan. Ketika itu semua kaum bersatu padu menuntut kemerdekaan dari kerajaan British.

Dalam abad ke-21 juga menuntut kemajuan material berteknologi tinggi. Oleh itu segala program yang dirancang perlulah mengambil kira soal perpaduan. Ini tidaklah bermakna semua rakyat perlu menyetepikan nilai tradisional.

Sebaliknya keperluan masyarakat yang semakin moden perlu dipertimbangkan. Dengan ini barulah segala program yang dilaksanakan mencapai matlamat yang dikehendaki.

Jelas sekali perpaduan yang lebih teguh menjelang alaf baru menuntut semua rakyat berganding bahu untuk merealisikannya. Semua rakyat perlu buktikan bahawa masyarakat pelbagai



kaum di Malaysia boleh hidup aman damai, makmur, dan sejahtera.

Wawasan 2020 adalah wawasan yang diilhamkan oleh pemimpin negara. Wawasan itu berteraskan kemajuan negara dengan nilai-nilai Malaysia. Salah satu aspek kemajuan yang penting ialah keutuhan perpaduan antara kaum.

Oleh itu, setiap rakyat harus berusaha menjamin perpaduan agar keamanan negara berkekalan. Kita seharusnya belajar dari kegagalan kita membendung emosi dalam peristiwa 13 Mei.

# GLOSARI

**Sistem kasta :** Aturan tingkat kehidupan dalam sesebuah masyarakat. Sistem kasta kebanyakannya diamalkan oleh masyarakat Hindu. Brahma menduduki kasta tertinggi dan diikuti oleh Satria, Waisa, dan Sunda.

**Kuasa daulat :** Kuasa pemerintahan. Raja-raja Melayu mempunyai kuasa daulat sejak turun-temurun.

**Intelek :** Seseorang yang mempunyai daya fikiran tinggi. Untuk menjadi seorang intelek, seseorang itu perlu mempunyai pendidikan, banyak membaca, serta menyelidik.

**Masyarakat Majmuk :** Masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum dan bangsa. Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk yang hidup dengan aman damai.

**Berpaksikan :** Menghala atau condong ke arah sesuatu pihak. Masyarakat Cina terawal yang datang ke Tanah Melayu masih berpaksikan ke negeri China.

**Memberangsangkan :** Membangkitkan sesuatu perasaan. Sokongan yang diberikan oleh penonton sungguh memberangsangkan sehingga pemain badminton negara dapat menundukkan pasukan lawan.

**Mandur :** Orang yang mengawasi para pekerja. Bagi ladang-ladang yang besar, pihak pengurus akan melantik mandur untuk melicinkan kerja.

**Senario :** Gambaran sesuatu kedudukan dengan peristiwa dan perkembangan yang mungkin berlaku. Perkembangan IT akan memberi senario baru kepada ekonomi negara.

**Canggung** : Kurang biasa atau kekok. Pelancong wanita dari barat berasa canggung apabila disuruh memakai baju kurung sewaktu majlis menyambut kedatangan mereka.

**Cenderung** : Bersikap berpihak atau menyebelahi. Orang yang niatnya mahu memajukan bangsa cenderung menjadi ahli politik.

**Sumpitan** : Alat yang diperbuat daripada buluh. Di dalam lubang buluh itu akan dimasukkan sejenis racun yang dikenali sebagai damak. Racun akan membunuh mangsa dengan cepat.

**Primitif** : Cara kuno atau zaman purba. Masyarakat primitif dahulu akan tinggal di dalam gua-gua batu. Makanan mereka bergantung kepada hasil hutan.

**Identiti** : Ciri-ciri yang terdapat pada seseorang atau sesuatu bagi memperkenalkan diri atau ciri-ciri pengenalannya. Negara Jepun terkenal dengan identiti rakyatnya yang rajin dan bekerja keras.

**Ahli antropologi** : Ahli yang mengkaji tentang asal usul manusia. Pengkajian ini meliputi perkembangan fizikal manusia, adat resam, budaya, dan kepercayaan. Antropologi juga dikenali sebagai kaji manusia.

**Berinteraksi** : Perhubungan aktif antara satu pihak dengan pihak yang lain. Sikap suka berinteraksi antara masyarakat pelbagai kaum di Malaysia telah mewujudkan kehidupan yang bersatu padu.

**Nomad** : Kaum yang selalu berpindah-randah. Di Malaysia kaum nomad selalunya dikaitkan dengan masyarakat asli yang tinggal di dalam hutan. Mereka akan berpindah ke tempat lain setelah tempat lama tidak mempunyai makanan atau tidak sesuai lagi untuk bercucuk tanam.

**Dirujuk** : Diberitahu atau meminta nasihat. Masyarakat orang asli amat patuh kepada Tok Batin sehinggakan segala masalah dirujuk kepadanya.

Paleolitik : Orang yang hidup pada zaman purba. Kewujudan mereka hanya dapat dikenali berdasarkan tulisan-tulisan pada pintu gua.

Beranda : Serambi yang tidak berding. Ia biasa terdapat pada rumah di kampung-kampung.

Rasional : Berfikiran waras serta membuat pertimbangan yang wajar dalam menilai atau melakukan sesuatu. Seseorang itu perlu bertindak secara rasional walaupun berada dalam keadaan marah.

# SOALAN

1. Apakah nilai-nilai baik yang dimiliki masyarakat Melayu?
2. Apakah yang berlaku di China sehingga menyebabkan ramai rakyatnya berhijrah?
3. Bagaimanakah orang India dibawa masuk ke Tanah Melayu?
4. Terangkan proses pembentukan masyarakat Baba dan Nyonya.
5. Sebutkan enam kaum dalam suku Melayu Proto.
6. Apakah suku kaum yang terdapat di Sabah?
7. Berikan salah satu contoh kepercayaan animisme bagi masyarakat Iban.
8. Bagaimanakah perpaduan kaum wujud di negara kita?